

Pengarang : Laupa Junus  
Akhbar : Utusan Malaysia  
Tarikh : 28 Januari 2010  
Bahasa : Melayu  
Subjek : Educations  
Mukasurat : 4



# Penyelidikan marin tumpuan UMS

Oleh LAUPA JUNUS

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah (UMS), merupakan antara institusi pengajian tinggi yang memberi keutamaan dalam bidang penyelidikan sains marin kerana keupayaannya serta kedudukannya di tepi laut.

Justeru, tumpuan telah diberi terhadap penyelidikan yang mana UMS mempunyai kekuatan dan kepakaran iaitu berkaitan dengan marin dan akuakultur.

Tanpa menafikan kepentingan bidang-bidang sains, UMS akan memberi tumpuan kepada penyelidikan berkaitan marin, seperti pembiakbakaan dan pemuliharaan spesies marin, fenomena alga beracun dan yang berkaitan.

Menurut Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon, dalam penyelidikan pembiakbakaan, UMS setakat ini berjaya menghasilkan ikan kerapu hibrid yang sesuai untuk dibiakkan secara komersial.

"Kami berjaya menghasilkan kerapu hibrid ini yang kini di peringkat penstabilan hibrid dan mengalu-alukan usahawan muda untuk mengkomersialkannya," kata beliau ketika ditemui di kampus induk UMS di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Selain itu, UMS juga sedang mengkaji mengenai fenomena alga beracun (*alga bloom*) yang sering melanda pantai barat Sabah dan mencemarkan persekitaran marin di situ.

Penyelidikan-penyelidikan tersebut kata beliau, membuktikan UMS bukan sahaja menjadi universiti pengajaran sebagai fungsi asasnya tetapi sedang mengorak langkah ke arah universiti penyelidikan.

"Kita menyasarkan untuk mencapai universiti penyelidikan menjelang 2015," katanya lagi.

Dengan isu perikanan seperti kekurangan benih dan sumber laut yang diancam kepupusan, penyelidikan pembiakbakaan dapat memberi alternatif kepada sumber protein daripada laut.

Malah katanya, penyelidik UMS sedang mengkaji bagaimana meramal fenomena alga beracun bagi mencari langkah berjaga-jaga menghadapinya pada masa akan datang.

Penyelidikan tersebut yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Marin Borneo, yang menjadi antara tunjang kekuatan UMS, pastinya menjadikan universiti tersebut terus bersaing dalam konteks universiti penyelidikan.

Pada masa akan datang, kajian pembiakbakaan mengenai spesies marin pula akan melibatkan udang laut.

Mengenai pembiayaan projek penyelidikan, Kamaruzaman berkata, UMS telah menerima sejumlah RM50 juta sejak lima tahun kebelakangan melibatkan dana daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Pada masa sama, peruntukan dana penyelidikan dalaman untuk penyelidik muda yang kini berjumlah RM 1 juta

akan ditingkatkan kepada RM 2 juta pada masa akan datang sebagai rangsangan untuk mereka terus menjalan kajian.

Dana penyelidikan itu bernilai antara RM10,000 dan RM50,000 bergantung kepada bidang penyelidikan yang dijalankan.

Bagaimanapun kata beliau, sasaran untuk menjadi universiti penyelidikan daripada empat universiti sedia ada masa jauh daripada jangkauan memandangkan peruntukan mengenainya masih terlalu kecil.

Untuk itu, UMS akan terus memperhebatkan usaha menjalankan lebih banyak penyelidikan terutama melibatkan tiga institut kecemerlangannya iaitu Institut Penyelidikan Marin Borneo, Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan serta Institut Penyelidikan Bioteknologi.

Ketiga-tiga institut terbabit akan saling menyokong fungsi dan peranan sesama sendiri bagi merealisasikan matlamat UMS sebagai universiti penyelidikan.

Pada masa sama, kekuatan tenaga pengajar akan terus ditambah dengan meningkatkan jumlah tenaga pengajar yang kini memiliki 33 profesor, 93 profesor madya manakala 26 peratus daripada 788 pensyarah UMS memiliki ijazah doktor falsafah (PhD).

Mengenai aspek pengkomersialan, beliau berkata, antara yang sedang dalam usaha ke arah itu ialah kerapu hibrid dan juga penghasilan batu bata daripada siswa sawit yang dihasilkan oleh Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Batu bata yang dihasilkan adalah jenis ringan tetapi kuat dan kini dalam perancangan untuk digunakan membina

## info UMS

- Universiti awam kesembilan di negara ini yang ditubuhkan pada 24 November 1994.
- Dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 19 September 2000.
- Dua sekolah terletak di luar kampus induk iaitu Sekolah Pertanian di Sandakan dan Kampus Antarabangsa Labuan (Sekolah Sains Informatik dan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa).
- Kampus induk UMS seluas 999 ekar terletak di pesisir pantai Teluk Sepanggar, berhampiran Kota Kinabalu.
- Mempunyai tiga belas sekolah pengajian dan tiga institusi kecemerlangan
- Mengutamakan konsep Kampus Ceria

rumah murah.

Mengenai benih ikan kerapu, Kamaruzaman berkata, pihaknya bercadang untuk menyerahkannya kepada politeknik untuk dikomersialkan bagi melahirkan lebih ramai usahawan.

UMS juga kata beliau bercadang untuk memulakan penyelidikan mengenai benih padi memandangkan negeri Sabah masih kekurangan sumber beras untuk kegunaan sendiri.

Sekolah Pertanian Lestari yang dibina di Sandakan akan diberi tanggungjawab menjalankan penyelidikan tersebut manakala Sekolah Perubatan yang dibina di kampus induk dijangka siap pada tahun depan.

Beliau juga menegaskan konsep 1Malaysia telah lama diterapkan di kampus tersebut yang berkonsepkan Kampus Ceria kerana mencampurkan pelbagai etnik dan agama dalam satu asrama, malah sebilik bagi memupuk perasaan muhibah dan bertoleransi.

Ketika ini, 55 peratus pelajar UMS merupakan mereka yang berasal dari Semenanjung Malaysia (45 peratus Sabah) dan bakinya dari negeri lain.



**DR.  
KAMARUZAMAN  
AMPON**